

## NEWS CLIPPING



**Client** : Unilever (M) Holding Sdn Bhd - Lifebuoy  
**Media** : Utusan Malaysia Online  
**Section** : News  
**Date** : 23 October 2008  
**Circulation** : N/A  
**Headline** : Wabak HFMD di Sarawak kini terkawal

---

### SABAH & SARAWAK

#### Wabak HFMD di Sarawak kini terkawal

SIBU 23 Okt. - Wabak penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) yang mula menular di negeri ini awal bulan ini kini terkawal.

Menteri Alam Sekitar dan Kesihatan Awam negeri, Datuk Sri Wong Soon Koh hari ini berkata, orang ramai tidak perlu bimbang kerana semua langkah pencegahan telah dijalankan dengan jayanya.

Sebanyak 6,814 kes kanak-kanak dijangkiti penyakit itu telah dilaporkan, katanya semasa melancarkan Kempen Basuh Tangan Global yang dianjurkan dengan kerjasama syarikat LifeBuoy, Unilever Malaysia dan Kumpulan See Hua di sini.

Antara lain, Kuching mencatatkan jumlah kes tertinggi sebanyak 2,480 kes diikuti Miri dengan 1,072, Bintulu (884), Sibü (758) dan Kota Samarahan (425).

Sepanjang wabak itu, 848 kanak-kanak dimasukkan ke hospital tetapi semuanya telah dibenarkan keluar hospital kecuali 25 orang yang masih di bawah pengawasan dan ia hanya melibatkan satu kes kematian.

Sementara itu, Pengurus Besar Jualan Unilever Malaysia bagi Malaysia Timur, Rodney Wong berkata, syarikat itu mensasarkan sekurang-kurangnya 50,000 kanak-kanak bagi kempen itu di seluruh negara.

Beliau berkata, Sibü dipilih sebagai destinasi pertama bagi kempen selama sebulan itu selepas pelancarannya di Kuala Lumpur pada 15 Oktober ekoran wabak HFMD di sini.

"Kami mahu mendidik masyarakat bahawa kebersihan diri bermula dengan membasuh tangan dengan sabun. Kebersihan boleh mengurangkan penyebaran dan jangkitan penyakit, terutamanya kepada kanak-kanak," katanya.

- Bernama